

# BISCOMIN SYRUP

Bromhexine HCl (4mg/5ml)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Biscomin Syrup
2. Bagaimana Biscomin Syrup berfungsi
3. Sebelum menggunakan Biscomin Syrup
4. Cara menggunakan Biscomin Syrup
5. Semasa menggunakan Biscomin Syrup
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Biscomin Syrup
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan Biscomin Syrup

Bromhexine HCl adalah kandungan aktif Biscomin Syrup. Ia adalah ejen mukolitik dan digunakan dalam rawatan penyakit pernafasan yang dikaitkan dengan mukus berlebihan

## Bagaimana Biscomin Syrup berfungsi

Bromhexine menukar struktur mukus untuk mengurangkan kelikatan dan memudahkan penyingkiran mukus melalui aksi ciliari atau diludah keluar.

## Sebelum menggunakan Biscomin Syrup

- Bila tidak boleh menggunakan

- Jika anda hipersensitif terhadap Bromhexine atau bahan-bahan kandungan yang lain

- Sebelum menggunakan Biscomin Syrup

Anda mesti beritahu doktor anda jika:

- Anda alergi terhadap mana-mana ubat-ubatan yang diambil sebelum ini untuk merawat keadaan sekarang.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Sentiasa beritahu doktor dan ahli farmasi anda jika anda mengambil ubat-ubatan lain, termasuk tonik herba, makanan tambahan dan ubat-ubatan yang anda beli tanpa preskripsi.

## Cara menggunakan Biscomin Syrup

Sentiasa mengambil ubat ini seperti yang diberitahu oleh doktor. Anda sepatutnya merujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda sekiranya anda tidak pasti.

- Berapa banyak harus digunakan

**Dewasa:** 8-16mg (10-20ml) tiga kali sehari

**Kanak-kanak:**

Umur 6-12: 4mg (5ml) tiga kali sehari

Umur 2-6: 2mg (2.5ml) tiga kali sehari

Bawah 2: 1mg (1.25ml) tiga kali sehari

**Pediatrik:**

0.3mg/kg/hari 8 jam sekali untuk 7 hari, 0.15mg/kg/hari 8 jam sekali.

- Bila perlu digunakan

Gunakan seperti yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa lama perlu digunakan

Terus menggunakan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

- Jika terlupa menggunakan

- Sekiranya anda terlupa satu dos, ambil dos itu sebaik sahaja anda teringat.

- Tetapi, sekiranya telah hampir masa untuk dos berikutnya, abaikan dos yang terlepas.

- Jangan mengambil dos berganda untuk menggantikan dos yang dilupa.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan di hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

## Semasa menggunakan Biscomin Syrup

- Perkara yang perlu dilakukan

Hubungi doktor jika tanda anda tiada perubahan.

Ambil ubat selepas makan

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan beri Biscomin Syrup kepada orang lain walaupun simptom-simptom atau keadaan mereka serupa seperti anda. Doktor anda mempreskrib Biscomin Syrup untuk anda dan keadaan anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Penggunaan Biscomin Syrup harus diberi perhatian teliti semasa hamil. Kesan baik and buruk daripada ubat ini kepada bayi harus dinilai.

## Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubat lain, Biscomin Syrup mempunyai kesan sampingan walaupun bukan semua orang mendapatnya. Kesan-kesan

sampingan berikut mungkin akan terjadi dengan ubat ini: Iritasi gastrik (loya, muntah dan cirit) mungkin berlaku dan ruam.

Biscomin Syrup mungkin menyebabkan alergi yang teruk dan reaksi kulit yang serius.

Berhenti menggunakan Biscomin Syrup dan mendapatkan bantuan perubatan dengan segera jika anda mengalami mana-mana simptom yang berikutnya:

- 1) alergi yang teruk: kesukaran bernafas, pening kepala, pembengkakan kulit atau ruam.
- 2) Reaksi kulit yang serius: kulit merah, lepuh, ruam, demam, sakit kerongkong atau kerengsaan mata.

Sekiranya mana-mana kesan sampingan bertambah serius, atau anda mengalami kesan sampingan yang tidak disenaraikan dalam risalah ini, sila beritahu doktor atau ahli farmasi anda.

Berjumpa dengan doktor atau ahli farmasi anda jika anda mempunyai keraguan atau untuk maklumat selanjutnya.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web [npra.moh.gov.my](http://npra.moh.gov.my) (*Public→Reporting Medicinal Problems/ Side Effects/ AEFI/ Vaccine Safety*)

### **Cara penyimpanan dan pelupusan Biscomin Syrup**

#### **Penyimpanan**

Jangan guna selepas tarikh tamat tempoh yang dinyatakan pada bungkusan. Tarikh tamat tempoh merujuk kepada hari terakhir bulan tersebut.

Jangan simpan pada suhu lebih daripada 30°C. Simpan dalam bungkusan asal dan tempat yang kering. Lindungi daripada cahaya.

### **Jauhi dari kanak-kanak.**

#### **Pelupusan**

Ubat-ubatan tidak seharusnya dilupuskan melalui sisa air atau sisa isi rumah. Tanya ahli farmasi anda cara-cara pelupusan ubat-ubatan yang tidak lagi diperlukan. Langkah-langkah ini akan membantu melindungi alam sekitar.

### **Maklumat lanjut**

#### **Rupa dan warna produk**

Sirap tidak berwarna hingga sedikit merah jambu dan berperisa raspberry dan manis.

#### **Bahan-bahan kandungan**

- Bahan aktif – Bromhexine HCl
- Bahan-bahan tidak aktif - Bahan-bahan kandungan lain termasuklah *Propylene Glycol, Glycerin, Sodium Benzoate, Menthol, Tartaric Acid, Sorbitol Solution 70%, Sucralose, Raspberry Flavour and Sodium Hydroxide.*

#### **Nombor MAL**

MAL12115070XZ

### **Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk**

Malaysian Pharmaceutical Industries Sdn Bhd.  
Plot 14, Lebuhraya  
Kampung Jawa,  
11900 Bayan Lepas, Pulau  
Pinang, Malaysia

### **Tarikh kemaskini RiMUP**

26/06/2018